

Indeks pembangunan manusia: M'sia di tangga 57  
Malaysiakini.com  
Disember 14, 2010

Malaysia menduduki ranking ke-57 dari kalangan 169 negara dalam kategori pembangunan tinggi manusia Indeks Pembangunan Manusia (HDI) Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), jauh di hadapan Thailand (ranking ke 92), Indonesia (108) dan Vietnam (113).

Wakil UNDP Malaysia Kamal Malhotra berkata nilai HDI Malaysia naik dari 0.541 ke 0.744 antara 1980 dan 2010, kenaikan 38 peratus atau peningkatan purata tahunan kira-kira 1.1 peratus.

"Malaysia berada pada ranking ke 19 dari segi penambahbaikan HDI dalam tempoh ini, di belakang China, Korea Selatan, India dan Indonesia tetapi di hadapan Thailand.

"Dalam tempoh 40-tahun dari 1970 ke 2010, Malaysia menduduki ranking ke 23 dari segi prestasi HDI, sementara prestasi pendapatannya di ranking ke 5 dan prestasi bukan pendapatan di 66, ketara menurun dalam ranking keseluruhan," kata beliau.

Beliau memberi taklimat media selepas melancarkan Laporan Pembangunan Manusia UNDP 2010 bertajuk "The Real Wealth of Nations: Pathways to Human Development", sempena ulang tahun ke 20 laporan itu, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di Kuala Lumpur hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noriyah Ahmad, dan Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, Datuk Dr Mahani Zainal Abidin.

Malhotra berkata jangka hayat Malaysia dari masa lahir meningkat sebanyak lapan tahun antara 1980 dan 2010, bermakna tahun persekolahan meningkat kira-kira lima tahun dan tahun persekolahan yang dijangkakan meningkat kira-kiratiga tahun.

Per kapita Pendapatan Negara Kasar (GNI) Malaysia meningkat sebanyak 173 peratus dalam tempoh yang sama dan Malaysia menyaksikan jangka hayat dari masa lahir meningkat dari 73.7 tahun ke 74.7 tahun antara 2005 dan 2010, sementara per kapita GNI bertambah dari US\$12,143 ke US\$13,927, katanya.

"Malaysia perlu mereka dan melaksanakan dasar dan gabungan institusi yang betul, dan menjamin perkongsian kukuh antara kerajaan, masyarakat sivil dan sektor swasta bagi mempertingkatkan kedudukannya.

"Ini kerana Malaysia akan berdepan dengan cabaran sukar untuk menduduki ranking lebih tinggi pada HDI di masa depan ekoran banyak negara ekonomi baru di beberapa bahagian dunia mencapai prestasi baik," katanya.

Sementara itu, Noriyah berkata menambah baik sektor pendidikan akan mengambil masa dan kerajaan sedang mengambil langkah seperti mempertingkatkan modal insan dan mempelawa bakat-bakat seberang laut ke Malaysia.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malysiakini.com/news/150724>